

29/10/2003

Pertumbuhan ekonomi dijangka melebihi 4.5 peratus

KADAR pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini dijangka melebihi 4.5 peratus yang diunjurkan kerajaan, kata Gabenor Bank Negara (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Beliau berkata, jangkakan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih tinggi itu adalah berdasarkan kepada angka tunjuk semasa ekonomi negara yang sungguh menggalakkan.

"Ya, berdasarkan keadaan semasa kita melihat petunjuk yang menggalakkan ke arah itu.

"Ada petunjuk yang menunjukkan KDNK negara mampu mencapai kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada yang diunjurkan," katanya ketika mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ekonomi Malaysia dijangkakan mencatatkan prestasi lebih baik daripada kadar pertumbuhan 4.5 peratus yang diunjurkan kerajaan.

Perdana Menteri pada Dialog Perniagaan Papua New Guinea-Malaysia Ahad lalu, berkata, KDNK Malaysia berkembang 4.4 peratus dalam tempoh suku kedua 2003 dan kerajaan menjangkakan pencapaian lebih baik daripada pertumbuhan 4.5 peratus yang diunjurkan bagi keseluruhan tahun.

Zeti berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Pusat Antarabangsa Untuk Kepemimpinan dalam Kewangan (ICLIF), di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, semalam.

Pelancarannya disempurnakan Dr Mahathir. Turut hadir Pengarah Eksekutif ICLIF, Rafiah Salim.

Sementara itu, Zeti yang juga pengerusi ICLIF dalam ucapannya berkata, matlamat utama penubuhan ICLIF ialah bagi memastikan usaha menghasilkan pemimpin bagi sektor kewangan dapat dilakukan secara berterusan.

ICLIF ditubuhkan BNM sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan bertujuan mempercepatkan pembangunan bakat pemimpin peringkat atasan dalam sektor kewangan di Malaysia dan rantau Asean.

Dibangunkan sebagai sebuah syarikat terhad dengan jaminan menerusi dana berjumlah RM500 juta, ICLIF ialah satu inisiatif strategik untuk memastikan Malaysia dan rantau ini menjadi peserta global dalam persaingan dan liberalisasi yang semakin meningkat di peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan itu, ICLIF menjalankan kerjasama strategik dengan sekolah perniagaan antarabangsa dan institusi pengajian tinggi utama untuk menyediakan program eksekutif yang disesuaikan dengan keperluan industri kewangan dan syarikat korporat.

Setakat ini, tiga program sudah pun dibangunkan iaitu Program

Pembangunan Kepimpinan Global; Program Kepimpinan Teknologi untuk
Industri
Kewangan dan Forum Pengarah Malaysia.